



SM Faliq (dua dari kiri)
pada majlis pelancaran
TTDI Tigris.

3 PROJEK BARU

■ *Naza TTDI optimis hartaanah mewah terima sambutan pembeli*

Hafiz Ithnin

hafizithnin@mediaprime.com.my

Naza TTDI, syarikat pemaju hartaanah megunjurkan pertumbuhan nilai jualan sekitar 15 hingga 20 peratus pada tahun ini berbanding lebih RM1 bilion direkodkan tahun lalu bersandarkan pelancaran tiga projek membabitkan pelbagai segmen sepanjang tahun ini.

Syarikat yang bernaung di bawah Kumpulan Naza itu optimis dengan pengenalan projek mewah sama ada da-

lam segmen komersial maupun kediaman kerana ia mampu meraih permintaan daripada pembeli terutama dalam kalangan pembeli tempatan.

Timbalan Pengurus Eksekutif dan Pengarah Urusan Naza TTDI SM Faliq SM Nasimuddin berkata, jumlah nilai pembangunan kasar (GDV) ketiga-tiga projek yang dilancarkan pada tahun ini mencecah RM1.4 bilion.

Beliau berkata, ketika ini pihaknya melancarkan projek pertama tahun ini, kediaman dupleks pertama di Taman Tun Dr Ismail (TTDI), TTDI Sigris dengan GDV berjumlah RM227 juta dan ia

mendapat 60 peratus tempahan setakat ini.

“Walaupun keadaan pasaran hartaanah ketika ini berdepan dengan cabaran, projek hartaanah yang dilancarkan Naza TTDI masih mendapat perhatian pembeli walaupun ia berada dalam segmen mewah dan ini dapat dilihat menerusi pelancaran TTDI Sigris yang bakal mewujudkan 185 unit kediaman dan 60 peratus daripada jumlah itu ditempah pembeli.

“Malah, ia mendapat perhatian daripada pembeli tempatan yang mana mereka adalah pembeli projek kediaman kami sebelum ini

dan kali ini pembeli berkenaan terus setia untuk melabur di dalam TTDI Tigris,” katanya pada majlis pelancaran TTDI Tigris.

TTDI Tigris terletak di Persiaran Zaaba berhampiran dengan stesen Mass Rapid Transit (MRT) adalah projek usahasama antara Naza TTDI dan Prasarana Malaysia Bhd menerusi anak syarikatnya, Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE).

Projek berkenaan bakal membangunkan kediaman setinggi 28 tingkat dan menyediakan 185 unit kesemuanya yang mana 153 adalah unit dupleks manakala 32 unit bukan dupleks.